

Nama :

Kelas :

Pilih jawapan yang paling tepat.

1. Apakah kepentingan atur cara komputer dalam sebuah televisyen pintar?
- A Menentukan suhu
 - B Membunyikan penggera
 - C Menyelaraskan suhu bilik
 - D Melakukan pelbagai fungsi interaktif

2. Atur cara dalam _____ membolehkan pelbagai cara masakan dilakukan.
- A Peti sejuk
 - B Pendingin hawa
 - C Ketuhar gelombang mikro
 - D Pembersih vakum robotik

3. Apakah kegunaan atur cara komputer yang dikaitkan dengan ikon berikut dalam telefon pintar?



- A Mencetak
 - B Mencapai internet
 - C Bercakap dengan rakan
 - D Menetapkan masa dan tarikh
4. Apakah yang dimaksudkan dengan atur cara komputer?
- A Satu set arahan mengikut urutan yang mengarahkan komputer membuat sesuatu
 - B Satu set mengikut arahan secara rawak mengarahkan komputer melakukan sesuatu
 - C Satu set atur cara komputer yang digunakan untuk memasukkan pelbagai aplikasi
 - D Satu set arahan tidak mengikut urutan dan akan mengarah komputer menghentikan operasi

5. Susun semula langkah-langkah untuk menyediakan ikan untuk digoreng.

- I Keluarkan isi perut dan insang
- II Basuh ikan hingga bersih dan goreng
- III Buang sisik ikan
- IV Belah bahagian perut ikan

- A I, II, III, IV
- B II, III, IV, I
- C III, IV, I, II
- D I, II, IV, III

6. Berikut merupakan peralatan yang mempunyai set atur cara komputer **kecuali**

- A telefon pintar.
- B kamera digital.
- C pembesar suara.
- D kalkulator elektronik.

7. Fungsi dalam peralatan digital dikawal oleh atur cara komputer yang terdapat dalam _____ sesuatu peralatan tersebut.

- A komputer riba
- B komputer benam
- C komputer peribadi
- D komputer rangkaian

8. Apakah proses yang boleh dilaksanakan oleh mesin penyemak harga dalam sebuah pasar raya?

- A Papar harga pada skrin
- B Memaparkan jumlah wang baki
- C Mengeluarkan lebihan baki wang
- D Meletakkan kod bar barangan pada alat pengimbas

9. Apakah yang perlu dilakukan untuk menambah fungsi baharu dalam sesuatu peralatan digital sedia ada?

- A Tulis satu atur cara baharu
- B Tukar atur cara pada komputer benam
- C Tambah fungsi baharu pada peralatan sedia ada
- D Tambah atur cara tambahan pada atur cara sedia ada